

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ pasport untuk tujuan pengesahan.
- Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya.

**Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu ini, sila hubungi:**

**Tel: 03-79492526 ( Kaunter Janji Temu CT Scan)**

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang diberikan.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

## **JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN**

**PPUM**

### **JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN TOMOGRAFI BERKOMPUTER (CT SCAN)**

BAHAGIAN PEMERIKSAAN: .....

NAMA: .....

NOMBOR PENDAFTARAN: .....

TARIKH JANJI TEMU: .....

MASA JANJI TEMU: .....PAGI/PETANG

CAJ PROSEDUR: RM..... DEPOSIT: RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM .....

NAMA ALATAN PERUBATAN : .....

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA .....

TARIKH HAID TERAKHIR: .....

JANJI TEMU DIBERI OLEH: .....

TARIKH : .....

**Peringatan: Sila baca semua maklumat dalam risalah dengan teliti**

## **1. Apakah itu pemeriksaan CT Scan?**

CT Scan merupakan pemeriksaan yang menggunakan mesin Sinar-X yang khas untuk melihat struktur badan, organ dalaman dan juga sistem vaskular serta salur darah. Suntikan media kontras melalui salur darah vena pesakit berkemungkinan akan dilakukan bagi melihat struktur abnormaliti dalaman badan dengan lebih jelas.

## **2. Apakah yang akan anda alami semasa pemeriksaan CT Scan dijalankan?**

Semasa pemeriksaan dijalankan, anda perlu berbaring di atas meja CT Scan dan diminta supaya tidak bergerak sehingga pemeriksaan selesai. Semasa agen kontras disuntik, anda akan berasa panas serta terasa pahit di tekak. Rangsangan ini adalah perkara biasa yang berlaku dan akan hilang dalam beberapa saat.

Sekiranya gejala ini berterusan, sila maklumkan kepada staf yang bertugas secepat mungkin.

## **3. Berapa lamakah pemeriksaan CT Scan dijalankan ?**

Kebiasaannya pemeriksaan CT Scan mengambil masa antara 5 minit hingga 30 minit.

## **Persediaan Pesakit Sebelum Hari Pemeriksaan CT Scan:**

- Sekiranya anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan, makanan laut, atau mempunyai sejarah asma, sila maklumkan kepada staf janji temu.
- Sekiranya anda mempunyai preskripsi steroid (Prednisolone), anda dikehendaki mengambil dos seperti yang telah ditetapkan.
- Pemeriksaan bagi pesakit wanita yang berada di dalam kategori umur yang berkemungkinan untuk mengandung, akan dijalankan selepas 10 hari dari tarikh pertama haid melainkan anda telah ‘menopause’ atau mengambil pil pencegah kehamilan.
- Bagi pesakit yang menjalani pemeriksaan CT Kardiak, anda dinasihatkan supaya tidak mengambil kafein dan ubat ‘anticoagulant’ 3 hari sebelum pemeriksaan.

### **Pemeriksaan pagi :**

- ◆ Puasa 6 jam sebelum pemeriksaan CT Scan.
- ◆ Anda dibenarkan untuk minum air kosong tidak melebihi 100ml.
- ◆ Pesakit darah tinggi dinasihatkan supaya **MENGAMBIL** ubat pada hari pemeriksaan.
- ◆ Pesakit kencing manis dinasihatkan untuk **TIDAK MENGAMBIL** ubat waktu pagi pada hari pemeriksaan.

### **Pemeriksaan petang ( 2-5 petang ):**

Puasa selepas mengambil sarapan ringan pada hari pemeriksaan.

- ◆ Pesakit darah tinggi/ kencing manis dinasihatkan supaya **MENGAMBIL** ubat pada hari pemeriksaan.